

21 MAY 2003

Mahathir-Pakej (Bonus)

BONUS SETENGAH BULAN UNTUK KAKITANGAN AWAM JUN INI

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan kerajaan bulan depan selain elaun khas kepada kakitangan perubatan "yang tidak mengendahkan keselamatan diri" dalam mengendalikan kes-kes SARS.

Langkah lain untuk menambah pendapatan boleh guna rakyat termasuk mengurangkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus untuk satu tahun bermula 1 Jun tahun ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan pakej strategi baru untuk memantapkan pertumbuhan ekonomi negara.

Ini adalah antara 90 langkah komprehensif yang kerajaan gariskan dalam strategi baru itu, yang menurut Dr Mahathir, diperlukan oleh kerajaan kesan daripada perkembangan politik dan ekonomi akhir-akhir ini, pencerobohan di Iraq dan ancaman Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS).

"Persekitaran global kini menjadi tidak menentu dan rumit, dan akan menghalang pemulihan ekonomi dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata bagi menghargai perkhidmatan kakitangan perubatan yang tidak mengendahkan keselamatan diri ketika mengendalikan kes-kes SARS, kerajaan memberi elaun kritikal khusus sebanyak RM400 sebulan kepada doktor dan RM200 sebulan kepada kakitangan lain mulai 1 April tahun ini sehingga berakhirnya wabak SARS.

Dr Mahathir turut menggariskan langkah-langkah spesifik untuk membantu sektor perhotelan dan pelancongan setelah perniagaan masing-masing terjejas teruk akibat keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan kebimbangan mengenai serangan SARS.

Langkah-langkah segera itu dijangka dapat mengurangkan kos perniagaan sektor-sektor berkenaan.

Bagi membantu pengusaha hotel, kerajaan memberikan diskaun sebanyak lima peratus daripada jumlah bil elektrik bulanan hotel bermula 1 Jun sehingga 31 Dis tahun ini.

Kerajaan juga akan mengecualikan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh hotel dan restoran mulai 1 Jun sehingga 31 Dis tahun ini.

Di samping itu, cukai perkhidmatan untuk "complimentary room" yang disediakan oleh pengusaha hotel, dihapuskan mulai 1 Jun.

Selain membantu sektor berkenaan daripada kesan SARS, langkah itu juga akan meningkatkan penggunaan swasta yang akan memberi kesan berganda kepada ekonomi.

Untuk membantu pengusaha kedai bebas cukai dan kedai-kedai lain di semua lapangan terbang, Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) akan mengurangkan kadar sewa premis sebanyak 50 peratus.

Kadar satu peratus daripada jumlah jualan yang dikenakan oleh MAHB bagi promosi dan pengiklanan pula dikurangkan sebanyak 50 peratus manakala tempoh kontrak konsesi bagi penyewaan premis perniagaan dipanjangkan selama dua tahun lagi.

Dr Mahathir berkata bagi membantu pengurusan aliran tunai pengusaha di sektor pelancongan, Bank Negara Malaysia menyediakan "Special Relief Guarantee Facility" (SRGF) berjumlah RM1,000 juta terutamanya untuk modal kerja.

Sektor itu juga akan menerima manfaat apabila institusi perbankan menyediakan kemudahan melalui Skim Penyusunan dan Penjadualan Semula Pinjaman (SPPSP) bagi semua jenis pinjaman dan kemudahan kredit.

Pekerja sektor itu juga boleh bernafas lega kerana institusi perbankan akan menyediakan skim SPPSP bagi pinjaman mereka yang dibayar melalui potongan gaji.

Selain itu, pengecualian duti setem diberi untuk surat cara pinjaman di bawah SRGF dan SPPSP.

Bagi menggalakkan lagi pelancongan domestik, kerajaan memberi potongan dua kali untuk tempoh setahun mulai 1 Jun ini untuk kemudahan tambang percuma kepada pekerja mereka.

Pada masa ini, pekerja yang menerima kemudahan itu tidak dikenakan cukai pendapatan tetapi perbelanjaan oleh majikan tidak diberi potongan cukai.

Bagi membantu pengusaha teksi pula yang turut terjejas akibat penurunan jumlah pelancong ke Malaysia sejak tersebarnya wabak SARS, kerajaan mengurangkan cukai jalan teksi bagi enam bulan sebanyak 50 peratus tetapi kemudahan ini diberikan sekali sahaja.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan memperuntukkan RM100 juta kepada pihak berkuasa tempatan bagi meningkatkan kerja pembersihan, termasuk memastikan kebersihan tandas-tandas awam.

Beliau berkata langkah awal dan tepat yang diambil kerajaan berjaya mencegah wabak SARS, namun tanpa usaha sepenuhnya setiap individu bagi menjaga kebersihan, ancaman penyakit dan wabak tidak akan dapat diatasi.

-- BERNAMA
MFJ MFJ MAI